



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 SEPTEMBER 2016

Taman Tugu jadikan KL bandar raya bertaraf dunia

um-6/9/2016

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, transformasi Tugu Negara akan melengkapkan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia.

Beliau berkata, negara sudah berada di landasan betul untuk mencapai taraf itu dengan pembangunan taman di tengah-tengah bandar raya yang merupakan ciri utama bandar berkelas global seperti di London yang memiliki Hyde Park dan Central Park yang sinonim dengan New York.

Oleh itu, kata beliau, pembangunan projek Taman Tugu bakal melengkapkan ciri itu apabila ia siap kelak dengan menghidupkan taman rimba tropika di tengah-tengah bandar raya.

“Salah satu daripada ciri bandar raya bertaraf global bahawa masyarakat menuntut kemudahan riadah seperti Hyde Park yang sinonim dengan London dan Central Park sinonim dengan New York. Maka Taman Tugu akan sinonim dengan bandar raya Kuala Lumpur bertaraf dunia.

“Itu bukan mustahil kerana kita sudah ada gambaran dan apabila siap fasa pertama pada pertengahan tahun 2018, kita akan lihat bahawa kawasan ini untuk rakyat mengecapi kemudahan di taman ini yang akan berubah menjadi taman tropika rimba di tengah-tengah bandar raya,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Projek Taman Tugu di sini hari ini.

Yang turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor;

Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah), Tan Sri Azman Mokhtar dan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, projek Taman Tugu akan dibangunkan oleh Khazanah sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya dengan pembiayaan sebanyak RM500 juta daripada kos keseluruhan projek RM650 juta.

Beliau menjelaskan, transformasi Tugu Negara itu akan turut menjadi simbol sejarah mengingati perjuangan pahlawan negara bahawa kemerdekaan negara adalah dimenangi dengan darah dan keringat perajurit-perajurit.

Kata beliau, projek usaha bersama antara pelbagai pihak berkepentingan itu adalah sesuatu yang amat menggembirakan dengan pembangunan di atas tapak tanah bernilai RM2.1 bilion sekali gus menjadikan projek tersebut satu kebanggaan negara yang akan membawa Malaysia ke tahap negara maju.

“Projek ini kita telah ilhamkan ciri-cirinya tetapi kita mahu orang ramai memberi cadangan khusus dan idea-idea yang bernas untuk dipertimbangkan termasuk nama projek Taman Tugu.

“Saya juga terfikir bahawa apabila taman ini siap, setiap tetamu negara yang mengadakan lawatan ke negara ini akan dijemput untuk tanam pokok di sini sebagai tanda lawatan mereka,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, projek Taman Tugu akan turut mengekalkan simbol nilai sejarah termasuk gerai nasi lemak Tanglin yang wujud berdekatan taman tersebut.